

KEPENTINGAN MEMAHAMI HADITH NABI SAW

Oleh:

Zulhilmi Mohamed Nor,

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

PENGENALAN

Nabi Muhammad SAW diutuskan oleh Allah SWT sebagai pembawa rahmat keseluruhan alam. Inilah yang kita maklumi daripada ayat Allah SWT:

(وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ)

“Dan tidaklah Kami utuskan kamu wahai Muhammad, kecuali untuk membawa rahmat ke seluruh alam”

Al-Hafiz Ibn Kathir berkata: Allah SWT menghabarkan bahawa Nabi Muhammad SAW dijadikan sebagai pembawa rahmat kepada sekalian alam, iaitu: Diutuskan Baginda untuk alam seluruhnya, sesiapa yang menerima rahmat ini dan bersyukur dengannya, maka dia akan berbahagia di dunia dan akhirat, sesiapa yang mengingkari dan menolaknya, maka dia akan rugi di dunia dan akhirat.¹

Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَيِّ هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَيْلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ ادْعُ عَلَى الْمُشْرِكِينَ قَالَ: (إِنِّي لَمْ أُبَعِّثْ لَعَانًا، وَإِنَّمَا بُعِثْتُ² رَحْمَةً)

Daripada Abu Hurairah RA berkata:

Ditanya kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah, doakanlah kehancuran buat kaum musyrikin. Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya aku tidak diutuskan sebagai pelaknat (pembawa malapetaka), tetapi aku diutuskan dengan membawa rahmat”.

Ayat Allah SWT dan hadith Nabi SAW ini menegaskan kepada kita tentang peranan Rasulullah SAW untuk mewujudkan kehidupan yang harmoni, aman serta sejahtera bagi seluruh makhluk sama ada di dunia dan akhirat. Inilah intipati pengajaran yang dibawa oleh Nabi SAW. Salah penggunaan dan kefahaman terhadap intipati ajaran Nabi SAW akan membawa kepada kerugian di dunia dan akhirat.

¹ Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar, (1999M), *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Dar al-Tayyibah, 5/385.

² Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab al-Birr wa al-Silah, Bab al-Nahy 'An La'n al-Dawwab wa Ghairiha, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 4/2006, no hadith 2599, daripada Abu Hurairah RA.

Kita amat menyakini bahawa peranan Baginda SAW ini, tidak dapat direalisasikan jika kita tidak menggunakan hadith dengan sebaik mungkin. Dengan sebab itulah para ulama muktabar dari kurun permulaan Islam sehingga ke hari ini amat menitikberatkan keabsahan status sesebuah hadith dan ketepatan kefahaman terhadapnya.

Hadith Nabi SAW dapat dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu sanad dan matan. Kedua-dua komponen ini menjadikan sesebuah hadith itu lengkap dan boleh dikaji keabsahan status dan kefahaman terhadapnya. Bagi mengkaji keabsahan atau kebolehgunaan sesuatu hadith, para ulama telah menghasilkan pelbagai kaedah yang lebih dikenali sebagai ilmu '*Ulum al-Hadith*' atau Ilmu *Mustalah al-Hadith*. Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani memberikan pengertian '*Ulum al-Hadith*' sebagai: Pengetahuan tentang kaedah-kaedah yang membawa kepada mengetahui keadaan perawi dan hadith.³ Manakala untuk memahami dengan baik segala kehendak dan maksud hadith Nabi SAW, para ulama menghasilkan pelbagai karya yang mensyarahkan hadith Nabi SAW serta perkataan-perkataan di dalamnya. artikel ini akan cuba mengupas kepentingan memahami hadith Nabi SAW.

PRINSIP ASAS BERINTERAKSI DENGAN HADITH NABI SAW

Prof Dr. Yusuf al-Qaradhawi menggariskan 3 prinsip asas dalam berinteraksi dengan hadith Nabi SAW, iaitu:

1. Memastikan kebolehgunaan hadith atau kesahihannya berdasarkan panduan yang digariskan oleh para imam ulama hadith. Ia memerlukan para pengkaji merujuk pandangan ulama pakar dalam bidang ini.⁴ Tidak ada kayu ukur yang lebih terperinci dan terbukti berkesan selain yang digariskan atau diasaskan oleh ulama-ulama hadith dalam meneliti status sesebuah hadith.
2. Memahami dengan baik nas-nas Nabawi SAW, berpandukan kepada petunjuk bahasa arab, susunan dan gaya bahasa hadith, sebab kewujudannya, panduan ayat al-Quran dan hadith sahih yang lain, maqasid atau tujuan, sunnah yang melibatkan hukum umum dan sunnah yang khusus bagi Nabi SAW dan sebagainya.⁵

³ Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin Ali, (1984M), *al-Nukat 'Ala Kitab Ibn al-Salah*, Tahqiq: Rabi' bin Hadi al-Madkhali, Arab Saudi: Unit Kajian Ilmiah Universiti Islam Madinah, 1/225.

⁴ Al-Qaradhawi, Yusuf, (1991M), *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyah: Ma'alim wa Dawabit*, Riyadh: Maktabah al-Muayyad, ms 33.

⁵ *Ibid.*, ms 34.

3. Memastikan ia selamat daripada sebarang pertentangan dengan nas lain yang lebih kuat daripadanya, sama ada al-Quran, hadith-hadith lain yang lebih banyak dan sebagainya.⁶

Pandangan Prof Dr Yusuf al-Qaradhawi ini sebagai langkah dan kaedah utama dalam penggunaan hadith Nabi SAW. Setiap hadith yang diterima atau hendak dijadikan hujah, mestilah melalui ketiga-tiga proses ini, agar kita tidak menyeleweng dalam berinteraksi dengannya.

Dr Muhammad bin Umar Bazammul, salah seorang tenaga pengajar di Universiti Umm al-Qura dalam kitabnya, menegaskan:

Pendalilan yang sahih memerlukan kepada dua perkara, iaitu:

1. Dalil yang sahih.
2. Penggunaan dalil yang sahih, merangkumi:
 - a. Kefahaman yang benar.
 - b. Bebas daripada pertentangan.
 - c. Bebas daripada pemansuhan (Naskh)⁷.

KEPENTINGAN MEMAHAMI HADITH NABI SAW

Banyak pandangan ulama berkaitan dengan kepentingan memahami hadith Nabi SAW, antaranya:

Kata-kata Sufyan bin ‘Uyainah: ‘*Wahai para penuntut ilmu hadith, belajarlah fiqh al-Hadith agar kamu tidak dikuasai oleh para pendukung pandangan أصحاب الرأي*’.⁸

Berkata Sufyan al-Thauri: ‘*Huraian hadith lebih baik daripada mendengarnya*’.⁹
Berkata ‘Ali bin al-Madini: ‘*Memahami makna-makna hadith: sebahagian daripada ilmu, dan mengetahui status para perawi: sebahagian ilmu*’.¹⁰

Al-Imam Ibn al-Qayyim meletakkan suatu bab khusus dalam kitabnya al-Ruh berkaitan memahami maksud Rasulullah SAW tanpa melampau dan mengabaikannya, beliau berkata: ‘*Bahkan buruk kefahaman terhadap Allah dan RasulNya SAW, merupakan asas segala bidaah dan kesesatan yang timbul dalam Islam. Ia juga punca kepada kesalahan dalam masalah cabang*

⁶ *Ibid.*, dengan beberapa perubahan dan ringkasan.

⁷ Bazammul, Muhammad bin Umar, ‘Ilm Syarah al-Hadith Wa Rawafid al-Bahth Fihi’, pdf dari internet, ms 13.

⁸ Al-Hakim, Muhammad bin Abdillah al-Naysaburi, (1977M), *Ma’rifah ‘Ulum al-Hadith*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, ms 66.

⁹ Al-Marwazi, ‘Abd al-Karim bin Muhammad, (1981M), *Adab al-Imla’ wa Istiqla’*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ms 61.

¹⁰ Al-Zahabi, Syams al-Din, Muhammad bin Ahmad, (2006), *Siyar A’lam al-Nubala’*, Kaherah: Dar al-Hadith, 9/107.

mahupun usul, lebih-lebih lagi apabila disertai dengan tujuan yang jahat, Wallahu al-Musta'an.¹¹

Para ulama telah menghasilkan pelbagai karya yang menghuraikan maksud hadith-hadith Nabi SAW. Mereka amat mementingkan kefahaman maksud hadith sama seperti mereka mementingkan sudut kesahihan atau kedaifan sesebuah hadith. Malah al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani berkata: 'Jika seseorang mendakwa bahawa karya yang dikumpulkan dalam bab ini (syarah hadith) lebih banyak dan sempurna daripada karya berkaitan dengan membezakan para perawi serta membezakan antara hadith sahih dengan daif, maka dakwaannya tidak jauh (betul), malahan itulah hakikatnya'.¹²

SIAPAKAH YANG MEMERLUKAN KEPADA HURAIAN HADITH UNTUK MEMAHAMINYA?

Nabi SAW adalah seorang manusia yang paling fasih berbahasa Arab, paling mengetahui keadaan orang yang disampaikan hadith kepadanya, paling mengetahui tentang loghat-loghat bangsa Arab dan amat hebat serta mendalam ungkapan yang digunakan.

Nabi SAW berbicara dalam keadaan Baginda sebagai seorang Nabi yang diutuskan wahyu kepadanya, sebagai seorang ketua negara, sebagai seorang hakim yang memutuskan hukuman kepada pesalah, sebagai ketua keluarga juga sebagai manusia biasa yang memiliki kehendak dan kesukaan.

Para sahabat RA yang hidup bersama Baginda, fasih dan mengerti bahasa Nabi SAW pun tidak kesemuanya memiliki kefahaman yang sama, apabila berhadapan dengan ungkapan Nabi SAW. Ini amat jelas melalui kisah kefahaman sahabat RA yang berbeza-beza apabila Nabi SAW mengarahkan untuk solat di Perkampungan Bani Quraizah.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَنَا لَمَّا رَجَعَ مِنَ الْأَحْزَابِ: (لَا يُصَلِّيَ أَحَدٌ
الْعَصْرَ إِلَّا فِي بَنِي قُرَيْظَةِ) فَأَذْرَكَ بَعْضُهُمُ الْعَصْرَ فِي الطَّرِيقِ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: لَا نُصَلِّي حَتَّى
نَأْتِيهَا، وَقَالَ بَعْضُهُمْ: بَلْ نُصَلِّي، لَمْ يُرْدِنَا ذَلِكَ، فَذُكِرَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمْ يُعِنْفِ
وَاحِدًا مِنْهُمْ¹³

Daripada Ibn 'Umar RA berkata: Nabi SAW bersabda kepada kami ketika pulang dari Peperangan al-Ahzab: "Jangan sekali-kali seorang dari kalian solat

¹¹ Al-Jauziyyah, Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar, *al-Ruh Fi al-Kalam 'Ala Arwah al-Amwat wa al-Ahya' Bi al-Dalail Min al-Kitab wa al-Sunnah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, ms 63.

¹² Ibn Hajar al-'Asqalani, (1984M), *al-Nukat 'Ala Kitab Ibn al-Salah*, 1/230.

¹³ Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, (1422H), *Sahih al-Bukhari*, *Abwab Solat al-Khauf*, *Bab Solat al-Talib wa al-Matlub Rakiban wa Imaan*, 2/15, no hadith: 946, daripada bn 'Umar RA.

Asar kecuali di perkampungan Bani Quraizah". Sebahagian para sahabat RA masih berada dalam perjalanan ketika masuknya waktu Asar, maka sebahagian daripada mereka berkata: Kita tidak akan solat Asar sehingga sampai ke perkampungan tersebut. Sebahagian lain berkata: Kita akan mendirikan solat, ungkapan Baginda tidak menghalang kita untuk mendirikan solat. Situasi tersebut dikhabarkan kepada Baginda SAW, dan Baginda SAW tidak mengherdik seorang pun daripada mereka semua.

Juga kisah yang dinyatakan oleh Abu Sa'id al-Khudri RA: Bahawa Rasulullah SAW berkhutbah kepada semua manusia dan berkata:

(إِنَّ اللَّهَ حَيْرٌ عَبْدًا بَيْنَ الدُّنْيَا وَبَيْنَ مَا عِنْدَهُ فَاخْتارَ مَا عِنْدَ اللَّهِ)

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah membuat pilihan kepada seorang hamba antara dunia dengan apa yang ada di sisi Allah, lantas hamba tersebut memilih di sisi Allah".

Tiba-tiba Abu Bakar RA menangis dan kami terkejut serta hairan dengan tangisannya. Kemudian barulah kami fahami, bahawa hamba yang dimaksudkan adalah Rasulullah SAW, Abu Bakar RA adalah orang yang paling mengetahuinya di kalangan kami¹⁴.

Ini antara kisah-kisah yang membuktikan para sahabat RA juga memiliki perbezaan dalam memahami hadith Nabi SAW. Cuma perbezaan mereka tidak melibatkan perkara yang haram dan halal, malah tidak menggugat aqidah dan Islam.

Terdapat banyak hadith Nabi SAW yang menunjukkan huraiyan Baginda SAW sendiri terhadap ungkapannya atau istilah-istilah yang Baginda SAW gunakan, kesemuanya agar segala yang dilafazkan difahami dengan baik dan diamalkan. Nabi SAW mengungkapkan lafadz tertentu, kemudian Baginda SAW sendiri yang menyatakan maksudnya.

Antaranya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: (أَتَدْرُونَ مَا الْمُفْلِسُ؟) قَالُوا: الْمُفْلِسُ فِينَا مَنْ لَا دِرْهَمَ لَهُ وَلَا مَتَاعَ، فَقَالَ: (إِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِي يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلَادَةٍ، وَصِيَامٍ، وَزَكَاءً، وَيَأْتِي قَدْ شَتَّمَ هَذَا، وَقَذَفَ هَذَا، وَأَكَلَ مَالَ هَذَا، وَسَفَكَ دَمَ هَذَا، وَضَرَبَ هَذَا، فَيُعْطَى

¹⁴ Ibid., Kitab al-Solat, Bab al-Khaukhah wa al-Mamar Fi al-Masjid, 1/100, no hadith: 466, daripada Abu Sa'id al-Khudri RA.

هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، فَإِنْ فَيَتْ حَسَنَاتُهُ قَبْلَ أَنْ يُقْضَى مَا عَلَيْهِ أَخِذَ مِنْ
خَطَايَاهُمْ فَطَرِحْتُ عَلَيْهِ، ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ¹⁵

Daripada Abu Hurairah RA berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Adakah kamu semua mengetahui maksud muflis?” Para sahabat RA menjawab: Muflis di kalangan kami adalah orang yang tidak memiliki duit dan harta. Sabda Nabi SAW: “Sesungguhnya muflis dari kalangan umatku, adalah orang yang datang pada hari kiamat dengan (pahala) solat, puasa dan zakat. Dia datang dalam keadaan pernah mengeji seseorang, menuduh seseorang, memakan harta seseorang (tanpa hak), menumpahkan darah seseorang, memukul seseorang. Lantas diberikan kepada orang yang dianaya daripada (pahala) kebaikannya, dan orang lain juga (pahala) kebaikannya. Jika habis (pahala) kebaikannya sebelum diselesaikan (hukuman) perlakuan buruknya, maka diambil (dosa) kejahanan orang-orang yang dianaya dan dilemparkan kepadanya, kemudian dia dilemparkan ke dalam neraka”.

Hadith ‘Abdullah bin Mas’ud RA, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ
مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كَبِيرٍ) قَالَ رَجُلٌ: إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثَوْبُهُ حَسَنًا وَتَعْلُمُهُ حَسَنَةً، قَالَ: (إِنَّ
اللَّهَ حَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ، الْكِبِيرُ بَطْرُ الْحَقِّ، وَغَمْطُ النَّاسِ)¹⁶

Daripada ‘Abdullah bin Mas’ud RA, daripada Nabi SAW bersabda:

“Tidak akan masuk syurga sesiapa yang ada di dalam hatinya seberat zarah daripada kesombongan”. Seorang lelaki bertanya: Sesungguhnya ada lelaki yang suka bajunya cantik serta seliparnya cantik. Sabda Nabi SAW: “Sesungguhnya Allah itu indah dan sukaan keindahan, kesombongan itu adalah menolak kebenaran serta memperkecilkan dan merendahkan manusia”.

Kedua-dua hadith di atas menunjukkan bagaimana Nabi SAW sendiri menjelaskan maksud kata-kata Baginda, agar tidak salah difahami oleh para sahabatnya.

Beginilah keadaan para sahabat RA bersama Rasulullah SAW, walaupun mereka golongan yang fasih berbahasa Arab, pakar di dalamnya, mengetahui lengkok bahasa dan loghat setiap kaum, mereka juga masih memerlukan

¹⁵ Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab al-Birr wa al-Silah, Bab Tahrim al-Zulm, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, 4/1997, no hadith 2581, daripada Abu Hurairah RA.

¹⁶ Ibid., *Kitab al-Iman*, Bab Tahrim al-Kibr wa Bayanihi, 1/93, no hadith: 91, daripada ‘Abdullah bin Mas’ud RA.

keterangan dari Nabi SAW. Mereka juga berbeza pandangan dalam memahami hadith Baginda SAW.

Jika begitulah situasinya, maka umat Nabi SAW pada zaman ini lebih memerlukan huraian atau keterangan dalam memahami hadith Baginda, terutamanya bagi yang tidak mendalami bahasa Arab dengan baik. Mereka lebih memerlukan banyak peringkat untuk memahami maksud ungkapan Nabi SAW. Maka dengan sebab itu, para ulama sudah pun meletakkan cara-cara tertentu untuk memahami hadith Nabi SAW, bagaimana untuk mendapatkan huraian lanjut berkaitan dengan maksud kata-kata dan perbuatan Nabi SAW.

SUMBER MENGETAHUI MAKNA ATAU HURAIAN HADITH NABI SAW (SYARAH HADITH):

Bagaimanakah caranya untuk kita mendapatkan huraian tentang sesuatu hadith Nabi SAW? Huraian yang akan memberikan kefahaman kepada orang yang membaca hadith Nabi SAW? Para ulama kontemporari telah meletakkan tiga cara untuk kita mengetahui huraian sesebuah hadith, iaitu:

1. Huraian hadith dengan hadith:

Ia bermaksud, sesuatu hadith Nabi SAW diperincikan atau dijelaskan dengan lebih mendalam oleh hadith yang sama dengan riwayat yang berbeza atau dengan hadith yang berbeza tetapi dalam topik yang sama. Ini adalah kerana Nabi SAW lebih memahami maksud yang dilafazkan oleh Baginda. Begitu juga, terdapat hadith yang diambil secara ringkas dan ditinggalkan perincian kerana faktor-faktor tertentu.

Berkata Imam Ahmad: ‘Sesebuah hadith jika tidak dikumpulkan kesemua turuqnya (jalan penriwayatan/versi riwayat) tidak akan dapat difahami, dan hadith sebahagiannya menghuraikan sebahagian yang lain’.¹⁷

Berkata al-Qadhi ‘Iyadh: ‘Sesuatu hadith menghukumkan hadith yang lain, perinciannya menerangkan sesuatu yang tidak difahami.’¹⁸

¹⁷ Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar Ahmad bn ‘Ali, *al-Jami’ Li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami’*, Riyadh: Maktabah al-Ma’arif, 2/212.

¹⁸ Al-Qadhi ‘Iyadh, bin Musa al-Yahsubi, (1998M), *Ikmal al-Mu’lim Bi Fawaid Muslim*, Tahqiq: Dr. Yahya Isma’il, *Kitab al-Iman, Bab Tafadhl Ahl al-Iman Fihi, Wa Rujhan Ahl al-Yaman Fihi*, 1/300.

Contohnya hadith:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (لَا يَرَأُ النَّاسُ يَتَسَاءَلُونَ حَتَّىٰ يُعَالَ: هَذَا خَلْقُ اللَّهِ الْخُلْقُ، فَمَنْ خَلَقَ اللَّهُ؟ فَمَنْ وَجَدَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا، فَلَيَقُولُ: آمَنْتُ بِاللَّهِ) ¹⁹

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Sentiasa manusia mempersoalkan (tentang penciptaan bumi), sehingga dikatakan: Allah telah mencipta makhluk, siapa pula mencipta Allah? Sesiapa yang mendapatkan persoalan tersebut di dalam hatinya, maka hendaklah dia berkata: Aku beriman kepada Allah”.

Diperincikan dengan hadith yang sama dari riwayat yang lain:

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (يَأَيُّتِي الشَّيْطَانُ أَحَدَكُمْ فَيَقُولُ: مَنْ خَلَقَ كَذَا وَكَذَا؟ حَتَّىٰ يَقُولَ لَهُ: مَنْ خَلَقَ رَبِّكَ؟ فَإِذَا بَلَغَ ذَلِكَ، فَلَيَسْتَعِدْ بِاللَّهِ وَلَيَنْتَهِ) ²⁰

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Akan datang syaitan kepada salah seorang dari kamu dan berkata: Siapakah yang mencipta ini dan itu? Sehingga syaitan berkata: Siapakah yang mencipta tuhanmu? Jika seseorang itu sampai kepada demikian (persoalan tersebut), maka hendaklah dia memohon perlindungan dengan Allah dan berhenti (dari memikirkannya)”.

Juga hadith Nabi SAW:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (ثَلَاثَةٌ لَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ وَلَا يُزَرِّكِيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ) قَالَ: فَقَرَأَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَ مِرَارًا، قَالَ أَبُو ذَرٍّ: حَابُوا وَحَسِرُوا، مَنْ هُمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: (الْمُسْبِلُ، وَالْمَنَانُ، وَالْمُنْفِقُ سِلْعَتَهُ بِالْحَلِيفِ الْكَاذِبِ)

Maksudnya: Daripada Abu Zar RA, daripada Nabi SAW bersabda:

“Tiga kelompok manusia yang Allah SWT tidak akan berbicara, tidak memandang dengan pandangan rahmah dan tidak menyucikan mereka, malah mereka menerima azab yang amat pedih”. Rasulullah SAW mengulanginya sebanyak tiga kali. Abu Zar RA berkata: Mereka tidak akan beroleh apa yang dihajati dan akan rugi, siapakah mereka wahai Rasulullah? Sabda Baginda: “Mereka adalah “al-Musbil (orang yang melabuhkan) kainnya, al-mannan

¹⁹ Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, Bab Bayan al-Waswasah Fi al-Iman wa Ma Yaquluhu Man Wajadaha, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 1/191, no hadith 134, daripada Abu Hurairah RA.

²⁰ Ibid.

(orang yang suka mengungkit) dan seorang yang sentiasa menjual barangannya (dengan banyak) dengan menggunakan sumpah dusta”.²¹

Hadith ini menerangkan dosa dan akibat orang yang melabuhkan pakaianya, bahawa bagi mereka azab yang pedih pada hari kiamat. Zahir hadith ini menyatakan semua jenis pakaian yang labuh adalah haram tetapi hakikat sebenarnya tidak. Larangan Rasulullah SAW kepada seseorang yang melabuhkan pakaianya adalah dengan niat berbangga-bangga dan sompong. Maka, pakaian labuh yang diharamkan hanyalah apabila bertujuan untuk sompong. Inilah yang difahami daripada keseluruhan hadith di dalam topik ini, melalui hadith-hadith lain seperti berikut:

Sabda Nabi SAW:

(مَنْ جَرَّ ثَوْبَهُ حُبْلَاءً؛ لَمْ يَنْظُرِ اللَّهُ إِلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ)²²

“Sesiapa yang melabuhkan pakaianya dengan berbangga-bangga ; maka Allah tidak akan memandang kepadanya di hari kiamat ”.

Sabda Nabi SAW:

(لَا يَنْظُرِ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَى مَنْ جَرَّ إِزَارَةً بَطَرًا)²³

“Allah tidak akan memandang pada hari kiamat kepada sesiapa yang melabuhkan kainnya dalam keadaan sompong ”

2. Huraian hadith dengan kata-kata para sahabat RA.

Terutamanya sahabat RA yang meriwayatkan hadith tersebut. Ini kerana mereka lebih mengetahui tentang isi kandungannya, tempat dan suasana ia dilafazkan oleh Nabi SAW. Para sahabat RA hidup bersama-sama dengan Nabi SAW, mereka melihat, mendengar dan merasai bahasa yang digunakan oleh Baginda. Malah mereka lebih bertaqwa daripada orang yang datang selepas mereka.

Kita boleh memahami hadith Nabi SAW dengan huraian yang para sahabat RA berikan juga dengan melihat keadaan atau situasi yang para sahabat RA gunakan hadith tersebut sebagai dalil.

²¹ Muslim bin al-Hajjaj, Sahih Muslim, Kitab: *al-Iman*, Bab: *Bayan Ghilaz Tahrim Isbal al-Izar Wa al-Mann Bi al-'Atiyyah*, 1/102, no hadith 106, daripada Abu Zar RA

²² Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab *al-Libas*, Bab *Man Jarra Izarahu Min Ghair Khulaya*', 7/141, no hadith 5784 daripada Abdullah bin 'Umar RA.

²³ Ibid., Kitab: *al-Libas*, Bab: *Man Jarra Thaubahu Min al-Khulaya*', 7/141, no hadith 5788, daripada Abu Hurairah RA.

Contohnya:

عَنِ النَّوَّاسِ بْنِ سَمْعَانَ الْأَنْصَارِيِّ، قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، عَنِ الْبِرِّ وَالْإِثْمِ فَقَالَ: (الْبِرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ، وَالْإِثْمُ مَا حَاكَ فِي صَدْرِكَ، وَكَرِهْتَ أَنْ يَطْلُعَ عَلَيْهِ النَّاسُ)²⁴

Daripada al-Nawwas bin Sim'an al-Ansari RA berkata: Aku bertanya Rasulullah SAW tentang kebaikan dan dosa, maka Baginda SAW bersabda: "Kebaikan adalah akhlak yang baik, manakala dosa adalah sesuatu yang mengganggu (mencurigakan) di dalam dadamu, dan kamu benci untuk diketahui oleh manusia".

Ibn 'Umar RA pernah berkata: "

(لَا يَبْلُغُ الْعَبْدُ حَقِيقَةَ التَّقْوَى حَتَّى يَدْعَ مَا حَاكَ فِي الصَّدْرِ)²⁵

"Seorang hamba tidak akan mencapai hakikat taqwa, sehinggalah dia meninggalkan segala yang mengganggu (mencurigakan) di dalam dadanya".

Juga hadith Nabi SAW:

أَنَّ عُثْمَانَ بْنَ عَفَانَ أَشْرَفَ يَوْمَ الدَّارِ، فَقَالَ: أَنْشَدُكُمُ اللَّهُ، أَتَعْلَمُونَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَجِدُ دُمُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا يَأْخُذَ ثَلَاثَةً: زِنَاجَ بَعْدَ إِحْصَانٍ، أَوْ ارْتَدَادٍ بَعْدَ إِسْلَامٍ، أَوْ قَتْلٍ نَفْسٍ بِعِيرٍ حَقِيقَةً فَقُتِلَ بِهِ، فَوَاللَّهِ مَا زَيَّتْ فِي جَاهِلِيَّةٍ وَلَا فِي إِسْلَامٍ، وَلَا ارْتَدَدْتُ مُنْذُ بَأْيَعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَا قَتَلْتُ النَّفْسَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ فَيْمَ تَقْتُلُونِي.²⁶

Sesungguhnya 'Uthman bin 'Affan RA naik ke atas bumbung rumahnya pada hari beliau dikepung, lantas berkata: Aku bersumpah dengan nama Allah, bukankah kamu semua mengetahui bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Tidak halal darah seorang muslim kecuali dengan tiga perkara; iaitu: berzina setelah berkahwan, murtad setelah Islam, atau membunuh jiwa tanpa hak untuk dibunuh. Demi Allah, aku tidak pernah berzina pada zaman Jahiliyyah dan juga di zaman Islam, aku tidak pernah murtad sejak aku berbaiah dengan Rasulullah SAW, dan aku tidak membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah. Maka, kenapakah kamu semua memerangi dan membunuhku?"

Hadith ini memperlihatkan bagaimana 'Uthman bin 'Affan RA menerangkan hukum membunuh dirinya tanpa sebab yang hak. Beliau mendatangkan hadith

²⁴ Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab al-Birr wa al-Silah, Bab Tafsir al-Bir wa al-Ithm, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 4/1980, no hadith 2553, daripada al-Nawwas bin Sim'an RA

²⁵ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Iman, Bab qaul al-Nabiy SAW Buniya al-Islam 'Ala Khamsin, 1/10.

²⁶ Al-Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa, (1998M), *Jami' al-Tirmizi*, *Kitab al-Fitan*, *Bab Ma Jaa Laa Yahil Dam Imriin Muslim Illa Bi Ihda Thalath*, 4/30, no hadith 2158, Daripada 'Uthman Bin 'Affan RA, Beirut: Dar al-Ghar al-Islami,

Nabi SAW yang mengharuskan pembunuhan atas tiga sebab utama, serta menafikan pembunuhan yang cuba dilakukan oleh penentangnya, tetapi tidak dihiraukan.

3. Huraian hadith dengan kata-kata para tabiin RH

Ini kerana golongan para tabiin memiliki keistimewaan yang tidak dimiliki oleh kelompok lain selepas mereka. Mereka dididik oleh para sahabat Nabi SAW. Zaman tabiin amat hampir dengan zaman Nabi SAW. Mereka melihat bagaimana para sahabat RA mempraktikkan hadith Nabi SAW, mendengar hadith-hadith Nabi SAW daripada para sahabat RA dan mempraktikkannya di hadapan para sahabat Nabi SAW. Maka kefahaman dan huraian mereka didahulukan daripada huraian orang yang datang selepas mereka.

4. Huraian hadith melalui bahasa dan ijтиhad.

Kita mengetahui bahawa Nabi Muhammad SAW berbangsa Arab dan amat fasih berbahasa Arab. Untuk memahami hadith seseorang itu mesti mengetahui bahasa Arab. Seorang yang ingin memahami hadith Nabi SAW, boleh memahaminya dengan ijтиhadnya sendiri dan bahasa Arab tetapi mestilah dipandu oleh pandangan para ulama yang muktabar. Dia tidak boleh hanya mentafsirkan hadith Nabi SAW mengikut pandangannya sahaja dan kemahiran bahasa Arab yang dimilikinya.

Berkata Ibn Abu al-'Iz al-Hanafi: 'Sesiapa yang menyangka dia mengetahui hukum hakam daripada al-Kitab dan al-Sunnah, tanpa mengetahui pandangan para imam dan seumpama mereka; maka dia adalah seorang yang silap serta melakukan kesalahan'²⁷.

Inilah empat kaedah untuk mendapatkan huraian terbaik mengenai lafaz-lafaz Baginda SAW. Menjadi kemestian setiap yang ingin menghuraikan hadith Nabi SAW, untuk mendahuluikan tafsiran hadith dengan hadith, seterusnya hadith dengan kata-kata para sahabat RA, hadith dengan kata-kata para tabiin RH dan akhirnya apabila tidak dijumpai, barulah seseorang itu boleh mentafsirkan hadith dengan pandangannya selagi dia memiliki keahlilan dan kemahiran berkaitan dengannya.

KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan berkaitan dengan kepentingan memahami hadith Nabi SAW, dapat disimpulkan bahawa:

1. Hadith Nabi SAW diungkapkan dan dikumpulkan adalah bertujuan untuk difahami dan diamalkan.

²⁷ Ibn Abi al-'Izz al-Hanafi, Muhammad bin 'Ala, (1405H), *Al-Ittiba'*, Lubnan: 'Alam al-Kutub, ms 43.

2. Menjadi keperluan yang amat mendesak untuk kita memahami dengan baik dan tepat hadith Nabi SAW.
3. Memahami dengan salah hadith Nabi SAW mengakibatkan penyelewengan yang besar dalam agama dan boleh menimbulkan kemurkaan Allah SWT.
4. Kita mesti mendalami kaedah-kaedah memahami hadith Nabi SAW atau carilah huraian ulama yang muktabar untuk kita memahami dengan baik segala yang disandarkan kepada Nabi SAW.
5. Sebagai rakyat Malaysia yang berbahasa Melayu, carilah terjemahan yang terbaik yang menterjemahkan dengan tepat maksud hadith Nabi SAW.
6. Ikutlah panduan ulama dalam memahami hadith Nabi SAW, dan janganlah bertindak bertentangan dan bersendirian dalam memahaminya, kerana kita tidak memiliki keahlian dan kemahiran yang cukup untuk betul-betul memahami hadith Nabi SAW.

Akhir kata, semoga Allah senantiasa membimbing kita ke arah yang diredhainya. Berimanlah dengan seluruh hadith Nabi SAW yang sahih, sama ada kita memahaminya atau belum memahaminya.

BIBLIOGRAFI

- Ibn Abi al-'Izz al-Hanafi, Muhammad bin 'Ala, (1405H), *Al-Ittiba'*, Lubnan: 'Alam al-Kutub
- Bazammul, Muhammad bin Umar, *'Ilm Syarah al-Hadith Wa Rawafid al-Bahth Fihi*, pdf dari internet
- Al-Bukhari, Muhammad bin 'Ismail, (2001M) *Sahih al-Bukhari*, Tahqiq: Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir, Beirut: Dar Tuq al-Najah.
- Al-Ghouri, Dr Syed Abdul Majid (2018), *Prinsip-prinsip Asas Memahami Hadith Nabawi*, Terjemahan oleh Dr Zulhilmi dan Dr Muhammad Hafizi, Putrajaya: JAKIM
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin Ali, (1984M), *al-Nukat 'Ala Kitab Ibn al-Salah*, Tahqiq: Rabi' bin Hadi al-Madkhali, Arab Saudi: Unit Kajian Ilmiah Universiti Islam Madinah
- Al-Hakim, Muhammad bin Abdillah al-Naysaburi, (1977M), *Ma'rifah 'Ulum al-Hadith*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah
- Al-Jauziyyah, Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar, *al-Ruh Fi al-Kalam 'Ala Arwah al-Amwat wa al-Ahya' Bi al-Dalail Min al-Kitab wa al-Sunnah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar, (1999M), *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Dar al-Tayyibah
- Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar Ahmad bn 'Ali, *al-Jami' Li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'*, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif
- Al-Marwazi, 'Abd al-Karim bin Muhammad, (1981M), *Adab al-Imla' wa Istimala'*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Muslim bin al-Hajjaj al-Naisaburi al-Qusyairi, (2006M) *Sahih Muslim*, Tahqiq: Nazar bin Muhammad al-Faryabi Abu Qutaibah, Riyadh: Dar Tayyibah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, (1392H), *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi
- Al-Qadhi 'Iyadh, bin Musa al-Yahsubi, (1998M), *Ikmal al-Mu'lim Bi Fawaid Muslim*, Tahqiq: Dr. Yahya Isma'il
- Al-Qaradhawi, Yusuf, (1991M), *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyah: Ma'alim wa Dawabit*, Riyadh: Maktabah al-Muayyad
- Abu Daud, Sulayman bin al-Asy'as al-Sijistani, (2009M) *Sunan Abi Daud*, Tahqiq: Syu'aib al-Arnaut, Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Al-Syaukani, Muhammad bin 'Ali, (2005), *Nail al-Awtar Syarah Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Akhyar*, Kaherah: Maktabah al-Safa.
- Al-Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa, (1998M), *Jami' al-Tirmizi*
- Al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah, (1998M) *Jami' al-Tirmizi*, Tahqiq: Basysyar 'Awwad Ma'ruf, Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyah.
- Al-Zahabi, Syams al-Din, Muhammad bin Ahmad, (2006), *Siyar A'lam al-Nubala'*, Kaherah: Dar al-Hadith